



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT SULIT 60.1 / (68)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

9 September 2025
16 Rabiulawal 1447H

Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk Seri LSr / Datuk LSr / Dato' LSr / Tuan LSr / Puan LSr,

TAWARAN MENGIKUTI KURSUS UKUR DAN PEMETAAN HIDROGRAFI

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) akan mengendalikan Peperiksaan Bahagian I untuk orang berartikel yang masih dalam tempoh berartikel bagi kursus Ukur dan Pemetaan Hidrografi pada **6 Oktober** hingga **7 November 2025** bertempat di LJT dan Lumut, Perak untuk kerja lapangan.

2. Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian di borang *Google form* <https://forms.gle/PS7EWzdpUHfzMHjc7>, mulai **9 September 2025** dan dihantar sebelum tarikh tutup permohonan pada **15 September 2025**. Hanya permohonan yang dibuat secara atas talian sahaja yang akan dipertimbangkan manakala permohonan yang lewat dan tidak teratur akan ditolak.
3. Calon yang berjaya akan dikenakan bayaran kursus sebanyak Ringgit Malaysia Tujuh Ribu (RM 7,000.00). Namun, jumlah bayaran kursus muktamad hanya akan dimaklumkan kepada calon semasa menerima tawaran daripada LJT.
4. Sebarang kos makan, penginapan dan perjalanan bagi menghadiri kursus ini adalah di bawah tanggungan sendiri.
5. Semua Juruukur Tanah Berlesen boleh memaklumkan kepada orang berartikel masing-masing bagi penawaran kursus ini. Hanya calon yang berjaya sahaja akan ditawarkan surat dan dihubungi oleh pihak LJT. Calon yang tidak dihubungi selepas dua (2) minggu daripada tarikh tutup tawaran kursus dianggap **tidak berjaya** dan surat pemberitahuan tidak akan dikeluarkan oleh pihak LJT.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(LSr MOHD RIZA' BIN HALIM)

Setiausaha Lembaga
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia



Pautan Pendaftaran Kursus Ukur dan Pemetaan Hidrografi